

Zaihasrim b. Mohd Dawal

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, July 27, 2017 10:39 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Demonstrasi Eksesais Akhir JCEX Thamal Ke-3



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



27 JULAI 2017 / 03 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Seksyen Fotografi

DEMONSTRASI EKSESAIS AKHIRI JCEX THAMAL KE-3



UUM ONLINE: Selama sembilan hari berkampung di UUM bagi menjalani ekseseis bantuan kemanusiaan, peserta Joint Combined Exercise Thailand-Malaysia 2017 (JCEX Thamal) mengakhirinya dengan demonstrasi ekseseis berkenaan di Tasik Universiti, 25 Julai lalu.

Majlis penutup JCEX Thamal yang berlangsung sejak 17 Julai lalu itu telah disempurnakan Panglima Angkatan Tentera DiRaja Thailand, Jeneral Surapong Suwana-adth dan turut dihadiri Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor di Dewan Mu'adzam Shah.

Dalam ucapan Jeneral Surapong berkata, ekseseis atau latihan bantuan kemanusiaan itu secara tidak langsung memberi manfaat kepada kedua negara sebagai persediaan menghadapi bencana.

Katanya, ekseseis itu juga mengukuhkan kerjasama, hubungan dan perkongsian pengalaman antara Malaysia dan Thailand, selain meningkatkan keupayaan kendalian integrasi ketenteraan dua hala di rantau ini dalam misi bantuan kemanusiaan dan bencana alam (HADR).

Sementara itu, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi berkata, penyertaan pasukan dari kedua negara termasuk pemerhati dari negara ASEAN dan Amerika Syarikat turut bersama-sama menyumbang kepada kejayaan ekseseis yang berlangsung selama sembilan hari itu.

"JCEX Thamal ini bukan sahaja berjaya diadakan, malah telah meningkatkan keupayaan kendalian integrasi ketenteraan dua hala antara Malaysia dan Thailand serta tahap profesionalisme tentera kedua negara.

"Saya juga gembira walaupun terdapat perbezaan budaya tetapi masih dapat bekerjasama merangka pelan operasi dan mengadaptasi teknik misi bantuan kemanusiaan dan bencana alam (HADR) berdasarkan senario hipotetikal," ujarinya.

Tambah beliau lagi, diharap dengan berakhirnya ekseseis itu akan memberi banyak pengajaran yang dapat meningkatkan kemahiran sumber manusia dan meningkatkan latihan pada masa hadapan.

Jeneral Tan Sri juga merakamkan ucapan penghargaan kepada UUM yang menjadi tuan rumah bagi penganjuran JCEX Thamal 2017, di samping memuji kelengkapan prasarana yang disediakan dalam kampus, sekali gus memudahkan ekseseis dijalankan.

Pada majlis itu turut diadakan acara penanggalan toha (arm band) dan penyampaian cenderamata kepada wakil-wakil negara pemerhati dan badan bukan kerajaan (NGO) terlibat termasuk UUM yang diwakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, Prof Dr Abdul Malek Abdul Karim.

Hadir sama Panglima Tentera Darat, Jeneral Dato' Seri Zulkiple Kassim; Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin; Panglima Tentera Udara, Jeneral Dato' Seri Affendi Buang; Timbalan Pendaftar UUM, Baharudin Yaacob dan pegawai-pegawai kanan lain.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.